

Pensyarah Kuasai Podium Kejohanan Badminton Piala Dekan SSS

Oleh : Ashikin Yakub

AHAD, 10 MAC – Timbalan Dekan Akademik Sekolah Sains Sosial (SSS), Dr Mohd Tahir Mapa muncul juara perseorangan dalam kejohanan badminton Piala Dekan SSS yang berlangsung di Yayasan Sabah, hari ini.

Beliau menumpaskan Lim Chee Teng sekaligus menjulang kejuaraan Piala Dekan yang diadakan buat kali kedua. Pemenang perseorangan bagi kategori wanita disandang oleh Dr Maureen De Silva, yang mengalahkan Nurazreen Rosli pada perlawanan akhir. Sekadar meraih tempat ketiga lelaki adalah Mosli Tarsat dan Tuti Ema Yani Joseph bagi wanita.

Penyertaan peserta yang ramai bagi kategori campuran lelaki tidak menghalang Mosli Tarsat dan Mohd Shauki memegang takhta juara. Tempat kedua pula disandang oleh Md. Saffie Abd Rahman dan Kusnadi. Seterusnya Dr Kntayya dan Dr

Mohd Tahir Mapa bagi tempat ketiga.

Bagi kategori beregu wanita pula tempat pertama disandang oleh Azimah bt Jalil dan Jalmah bt Kuliling. Nurazreen Rosli dan Siti Aishah Dek memperoleh tempat kedua, manakala tempat ketiga disandang oleh Ruth Christopher dan Nelly Majinus. Menurut pengarah kejohanan ini, Rayner Jolius, program ini bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara mahasiswa-mahasiswa dengan pensyarah-pensyarah.

“Penglibatan yang memberangsangkan dapat dilihat dan ianya merupakan satu respon yang positif oleh warga Sekolah

Sains Sosial”, katanya ketika ditemui.

“Saya terlibat menjadi Ajk pelaksana dalam pertandingan badminton ini adalah kerana ingin membuktikan bahawa mahasiswa kini mampu menguruskan sesuatu program dan pelajar sejarah terutama sekali bukan hanya tahu bekerja di Arkib mahupun Muzium sahaja”, jelas Aufina salah seorang ajk pelaksana ketika ditemubual semalam.

Kejohanan ini terbuka kepada seluruh warga Sekolah Sains Sosial Universiti Malaysia Sabah dan penyertaan daripada PLUMS serta Alumni adalah menggalakkkan. Penyertaan

tanpa had menyaksikan aksi yang menarik oleh para peserta.

Kejohanan bertambah meriah apabila ramai pensyarah dari SSS seperti Dr Tahir Mapa dan Fauzie Sarjono turut memberi sokongan dan penglibatan staf-staf yang menyambut baik kejohanan tersebut.

Perasmian penutupan kejohanan badminton piala dekan tersebut dilaksanakan oleh Dr Mohd Tahir Mapa. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang.